

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA

TARIKH : 18 DISEMBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 11

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah alternatif Kerajaan bagi mempertingkatkan sistem jaringan pengangkutan awam ke Kelantan seandainya Projek ECRL dibatalkan.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sepertimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada Ogos 2018 yang lalu, Kerajaan telah memutuskan untuk membatalkan projek ECRL disebabkan kos pelaksanaan projek yang terlalu tinggi untuk ditanggung oleh Kerajaan.
2. Walau bagaimanapun, orang ramai yang ingin ke Kelantan masih lagi boleh menggunakan mod pengangkutan awam darat sedia ada seperti perkhidmatan keretapi oleh KTMB bagi laluan Gemas-Tumpat dan juga perkhidmatan bas ekspres yang disediakan oleh pelbagai syarikat pengendali bas yang berdaftar.
3. Kerajaan komited dalam memastikan pemantauan yang berterusan dibuat terhadap mutu perkhidmatan sistem pengangkutan awam darat di Malaysia agar terus dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna.
4. Selain itu, bagi mempertingkatkan penggunaan pengangkutan berasaskan rel misalnya, Kerajaan sedang melaksanakan pembelian 13 set (4 *Cars*) Diesel Multiple Unit (DMU) untuk kegunaan di sektor Pantai Timur (Gemas – Tumpat). Konsepnya adalah serupa dengan tren elektrik yang digunapakai bagi perkhidmatan Komuter/ETS di Pantai Barat tetapi dikuasakan oleh enjin diesel.

NO. SOALAN: 11

5. Dengan adanya set DMU ini, ianya bakal memulihkan serta meningkatkan kualiti perkhidmatan dan keselesaan tren penumpang bagi sektor Gemas - Tumpat. Set DMU ini akan diterima secara berperingkat bermula April 2019 sehingga Oktober 2019 dan akan mula beroperasi setelah penyiapan kerja-kerja naik taraf landasan pada penghujung tahun 2019.

6. Kerajaan juga akan memaklumkan dari semasa ke semasa sekiranya ada perancangan penambakan sistem pengangkutan awam darat di Pantai Timur.

Sekian, terima kasih.